

Israel perlu buktikan keikhlasan: Dr M

Daripada A Nazri Abdullah

AMMAN: Malaysia mendesak Israel menunjukkan keikhlasan dan muhibah dalam menyelesaikan isu yang masih belum selesai dengan Palestin, terutama pendudukannya di kawasan Arab serta hak sebenar ke atas Baitulmaqdis, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, dengan penubuhan kawasan autonomi Palestin di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat serta Deklarasi Jordan-Israel untuk mengakhiri persengketaan, pentas perdamaian kini sudah tersedia di Asia Barat untuk mencari perdamaian adil bagi negara-negara Arab, Palestin dan Israel.

"Bagi mengekalkan rentak proses perdamaian ini, amatlah penting Israel mengotakan segala janjinya," katanya di majlis makan malam yang dibe-

rikan oleh Perdana Menteri Jordan, Dr Abdel Salam Majali, malam tadi.

Mengikuti persetujuan Jordan-Israel yang ditandatangani di Washington pada 25 Julai lalu, Israel bersetuju untuk berundur dari kawasan 17 kilometer persegi di segi tiga Aqaba-Eilat di Laut Merah dan kawasan di selatan Laut Mati.

Bagaimanapun, Perjanjian Damai Jordan-Israel belum dapat ditandatangani kerana beberapa isu seperti soal bekalan sumber air dan sempadan, belum diselesaikan.

Dr Mahathir turut mengulangi pendirian Malaysia yang mahukan penyeritaan lebih berkesan daripada masyarakat antarabangsa bagi membangun semula kawasan yang sudah lama dilupakan oleh mereka.

"Masyarakat antara-

bangsa mesti membantu dari segi material dan moral bagi melaksanakan perdamaian di rantau yang musnah akibat konflik lebih daripada separuh abad ini.

"Saya juga merayu negara-negara Asia Barat dan negara lain yang menyokong perjuangan Palestin supaya membantu pucuk kepimpinan Palestin menangani cabaran pembangunan semula ekonomi mereka," katanya.

Mengenai hubungan dua hala Malaysia-Jordan, Dr Mahathir gembira kerana hubungan rapat kedua-dua negara terus ditingkatkan dan berharap lawatannya yang pertama ke Jordan ini dapat metarabangsa bagi membangun semula kawasan yang sudah lama dilupakan oleh mereka.

Beliau berterima kasih

kepada kerajaan Jordan kerana menyediakan tempat kepada lebih 1,200 pelajar Malaysia untuk mengikuti pengajian mereka di negara ini.

Perdana Menteri juga mengambil kesempatan menjelaskan keputusan Kerajaan Malaysia mengharamkan pergerakan al-Arqam yang dianggap melencung daripada ajaran Islam sebenar.

"Negara-negara Islam hari ini menderita daripada pelbagai kelemahan. Mereka lemah serta tertindas dan kini wujud pelbagai kumpulan dan fahaman yang sesetengahnya jelas melencung daripada ajaran Islam.

"Kerajaan menggalakkan kegiatan dakwah. Bagaimanapun al-Arqam terpaksa diharamkan kerana ajarannya jelas bertentangan dengan asas-asas Islam. Ajaran seperti ini

akan memecahbelahkan umat Islam dan meninggalkan kesan buruk ke atas perpaduan ummah," katanya.

Pagi semalam, Dr Mahathir menjirus pokok zaiton di Tugu Peringatan Jordan sebelum mengunjungi dan mengadakan mesyuarat empat mata dengan rakan sejawatannya di sini, diikuti mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara.

Selepas itu, Perdana Menteri mengunjungi Raja Hussein dan makan tengah hari dengan pemimpin tertinggi Jordan itu.

Hari ini, Dr Mahathir dijadualkan berucap di majlis makan tengah hari anjuran Persatuan Peniaga Jordan dan dijangka menarik perhatian usahawan negara ini mengenai peluang pelaburan di Malaysia.